



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH URUS SETIA PENGAMBILAN DI KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

#### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**

#### **PENOLONG PENGELOLA TANAH-TANAH PERKUBURAN ISLAM (D.3 EB.4-5) KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

##### **1. Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

##### **2. Sila Ambil Perhatian:**

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalender Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PENOLONG PENGELOLA TANAH-TANAH PERKUBURAN ISLAM  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
D.3 EB.4-5 (\$900 - \$1,625 EB KHAS \$1,665 - \$1,825 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (1)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang Pengajian Islam atau bidang bersesuaian.*

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai Penjaga Kubah Makam Diraja / Pengawas Tanah-Tanah Perkuburan atau dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.
2. Lulus Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSRU) bagi Darjah VI dalam Pangkat 1 atau 2.
3. Keutamaan akan diberikan kepada calon **LELAKI**.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mengetuai pentadbiran Bahagian Tanah-Tanah Perkuburan Islam Daerah Belait.
2. Bertanggungjawab mengawasi pemeliharaan dan kebersihan tanah-tanah perkuburan Islam Daerah Belait;



3. Bertanggungjawab menyelesaikan permasalahan yang berbangkit mengenai kakitangan Pengawas Tanah-Tanah Perkuburan Islam Daerah Belait, Buruh-Buruh Kubur dan Penggapai-Penggapai;
4. Mengawasi perjalanan jadual bertugas Pengawas Kubur, Buruh-Buruh Kubur dan Penggapai-Penggapai;
5. Membuat lawatan pemeriksaan dan laporan tanah-tanah perkuburan Islam yang belum di *gazette* bersama Pejabat Tanah, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa serta Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan;
6. Membuat laporan mengenai dengan tanah-tanah perkuburan Islam yang difikirkan perlu akan keadaannya; dan
7. Bersedia menerima arahan kerja dari semasa ke semasa daripada Ketua Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Ketua Unit Tanah-Tanah Perkuburan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait.